



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 20 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM SEDIA SALUR KHIDMAT KAUNSELING KEPADA KELUARGA MANGSA KEMALANGAN DI JALAN STUTONG		POSITIF
	https://suarasarawak.my/kpwkm-sedia-salur-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-mangsa-kemalangan-di-jalan-stutong/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/ministry-extends-help-to-family-of-accident-victim/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://dayakdaily.com/assistance-counselling-for-the-family-of-jalan-teo-kui-seng-crash-victim/	DAYAKDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JKM CARI IBU KANDUNG, WARIS MUHAMMAD IQBAL RAYYAN ABDULLAH		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-cari-ibu-kandung-waris-muhammad-iqbal-rayyan-abdullah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178288/jkm-cari-ibu-kandung-waris-muhammad-iqbal-rayyan-abdullah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-cari-ibu-kandung-waris-muhammad-iqbal-rayyan-abdullah-505171	ASTROAWANI.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-cari-ibu-waris-muhammad-iqbal-rayyan-abdullah/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2384336	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2384326	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/19/social-welfare-department-seeks-biological-mother-relatives-of-muhammad-iqbal-rayyan-abdullah	THESTAR.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/19/social-welfare-dept-searches-for-biological-mother-relatives-of-one-year-old-abandoned-in-alor-setar/163799	MALAYMAIL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	GOLONGAN MEMERLUKAN TERIMA SUMBANGAN TBC DARIPADA JKM BAHAGIAN BINTULU		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/19/golongan-memerlukan-terima-sumbangan-tbc-daripada-jkm-bahagian-bintulu	UTUSANBRONEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	RAWAT KETIDAKSUBURAN LELAKI		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/sihat/2025/01/1178191/rawat-ketidaksuburan-lelaki	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KUASA WANITA: DATA DAN FAKTA YANG MENCORAKKAN MALAYSIA		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/01/19/kuasa-wanita-data-dan-fakta-yang-mencorakkan-malaysia/	SABAHMEDIA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KANAK-KANAK 11 TAHUN DITEMUI LEMAS DI SUNGAI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-11-tahun-ditemui-lemas-di-sungai/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	JUMPA BAYI PEREMPUAN DEPAN RUMAH		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/19/jumpa-bayi-perempuan-depan-rumah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178370/lelaki-belum-dikurniakan-anak-jumpa-bayi-bertali-pusat-dalam-beg-beli-sayur	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/world/crime_courts/news.php?id=2384335	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1163034/baby-girl-found-abandoned-outside-house-sanglang	NST.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178238/terkejut-temukan-bayi-dibuang-di-hadapan-rumah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1351155/bayi-perempuan-ditemui-di-luar-rumah-di-kuala-sanglang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=Ce-Orcbhq4	YOUTUBE	
	https://www.sinarharian.com.my/article/708024/berita/semasa/bayi-perempuan-ditemukan-dalam-beg-plastik-di-hadapan-rumah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-ditemukan-di-hadapan-rumah-di-simpang-empat-505173	ASTROAWANI.COM	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/bayi-perempuan-ditemukan-di-hadapan-rumah/	UTUSAN.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/baby-girl-abandoned-in-front-of-house-in-simpang-empat-KC13552822	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



20/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BAPA DITAHAN, BIARKAN ANAK BERGAYUT PADA KENDERAAN DIPANDU		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/komuniti/2025/01/bapa-ditahan-biarkan-anak-bergayut-pada-kenderaan-dipandu/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1178436/suka-suka-biar-anak-bergayut-di-pintu-pikap	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1351335/sekadar-suka-suka-bapa-biar-anak-6-tahun-bergayut-pada-pikap	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/708101/berita/semasa/sekadar-suka-suka-anak-minta-bergayut-di-luar-kenderaan#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
ISNIN, 20 JANUARI 2025




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
JKM cari ibu kandung, waris Muhammad Iqbal Rayyan Abdullah	8
Jumpa bayi perempuan depan rumah	11
KPWKM Sedia Salur Khidmat Kaunseling Kepada Keluarga Mangsa Kemalangan di Jalan Stutong	3


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>PUKUL OKU Keluarga Trauma Tuntut Keadilan Bagi Mangsa</u>	27
<u>Lelaki belum dikurniakan anak jumpa bayi bertali pusat dalam beg beli sayur</u>	4
<u>KESELAMATAN KANAK-KANAK Bapa Biarkan Anak Enam Tahun Bergayut Pintu Pikap</u>	1

TAJUK TOPIK UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	kanak kanak		-48.8% ↓	100	1	kanak kanak	100	
2	pasar tani		101.5% ↑	71	2	kuala lumpur	68	
3	kurang upaya		45.3% ↑	59	3	ketua polis	57	
4	ketua polis		-47.5% ↓	58	4	media sosial	57	
5	orang kurang		41.3% ↑	58	5	warga emas	56	

HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	#awanineWS		-55.6% ↓	100	1	#awanineWS	100	
2	#sinarplus		NEW	100	2	#malysiagazette	56	
3	#lifestylesinarharian		NEW	88	3	#buletintv3	37	
4	#buletintv3		-23.1% ↓	63	4	#awani745	37	
5	#pasartani		NEW	63	5	#mgflash	28	


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA




LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is -1 points compared to the previous period.

Analyzed 944 mentions


- 243 with positive sentiment
- 292 with neutral sentiment
- 409 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Jumpa bayi perempuan depan rumah
- JKM cari ibu kandung, waris Muhammad Iqbal Rayyan Abdullah
- KPWKM Sedia Salur Khidmat Kaunseling Kepada Keluarga Mangsa Kemalangan di Jalan Stutong



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

TERKEJUT TEMUKAN BAYI 'DIBUANG' DI HADAPAN RUMAH

LIPUTAN BERITA

- Sanglang: Penghuni sebuah rumah dikejutkan dengan penemuan bayi perempuan cukup sifat di hadapan kediaman mereka di Kampung Rama, Kuala Sanglang, di sini hari ini.
- Ketua Polis Daerah Kangar Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop berkata, polis menerima laporan berhubung penemuan bayi itu sekitar 8.35 pagi.
- "Bayi berkenaan dipercayai ditinggalkan di hadapan rumah berkenaan kurang dari satu jam sebelum ditemukan.
- "Satu laporan polis dibuat di Balai Polis Simpang Empat, pada 8.47 pagi oleh pemilik rumah berkenaan," katanya ketika dihubungi hari ini.
- Menurutnya, bayi itu dihantar ke Hospital Tuanku Fauziah, Kangar untuk menerima rawatan dan keadaannya dilaporkan stabil.
- Katanya, siasatan lanjut dijalankan bagi mengesan pelaku yang meninggalkan bayi itu di kawasan berkenaan.

CADANGAN

Pendidikan Reproduksi di Sekolah dan Komuniti dengan menyampaikan pendidikan tentang hubungan seksual yang bertanggungjawab, kehamilan, dan pencegahan kehamilan secara efektif melalui sekolah dan komuniti. Pendekatan ini diharapkan dapat mengurangkan kes pembuangan bayi, meningkatkan penggunaan Baby Hatch, dan menyediakan sokongan yang lebih baik untuk ibu serta bayi.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKM



BAYI perempuan dijumpai oleh seorang lelaki di hadapan rumahnya di Kampung Rama, Kuala Sanglang. FOTO Ihsan PDRM

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy ketika ditemui pemberita selepas ziarah kebajikan dan sumbangan khairat kematian Menteri KPWKM kepada ahli keluarga mangsa kemalangan di Jalan Stutong di Kampung Tabuan Dani, di sini, hari ini.

KPWKM Sedia Salur Khidmat Kaunseling Kepada Keluarga Mangsa Kemalangan di Jalan Stutong

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersedia untuk menghulurkan bantuan termasuk sesi kaunseling kepada keluarga Wan Khairul Nizam Wan Abdul Kadir, 41, yang maut dalam kemalangan di Jalan Stutong, dekat sini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, perkara tersebut penting untuk meringankan beban keluarga kerana anak-anak arwah masih kecil dan bersekolah.

Katanya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) dan Yayasan Kebajikan Negara juga tampil menyantuni keluarga, sekali gus berbincang dengan isteri arwah Wan Khairul Nizam bagi mengetahui keperluan mereka.

"Ini kerana kita mempunyai tabung bantuan segera, yang perlu dibincangkan bersama-sama dengan keluarga arwah.

"Saya sendiri hadir bagi menyantuni keluarga ini, kerana arwah juga mempunyai anak-anak yang masih bersekolah dan memerlukan penjagaan," katanya.



Nancy menyantuni balu arwah Wan Khairul Nizam, Jamilah.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas ziarah kebajikan dan sumbangan khairat kematian Menteri KPWKM kepada ahli keluarga mangsa kemalangan di Jalan Stutong di Kampung Tabuan Dani, di sini, hari ini.

Tambahnya, beliau juga memaklumkan kepada isteri arwah, Jamilah Hassan tentang bantuan kaunseling yang ada sekiranya diperlukan.

Bagaimanapun, beliau memahami ketika ini Jamilah mungkin memerlukan masa untuk bertenang kerana insiden nahas kemalangan itu baru sahaja berlaku.

"Saya sudah memaklumkan tentang khidmat kaunseling yang kita sediakan, sekiranya perlu... boleh menghubungi kami," ujarnya.

Terdahulu, beliau yang hadir menyantuni keluarga tersebut juga menyampaikan bantuan daripada Yayasan Kebajikan Negara dan JKMS.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari ibu kandung, waris Muhammad Iqbal Rayyan Abdullah

Nasional - Dicipta: 19 Januari 2025 12:39 PM - Kemas kini: 19 Januari 2025 12:39 PM



FOTO FB Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar

ALOR SETAR, 19 Januari- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Kota Setar sedang mencari ibu kandung atau waris kepada kanak-kanak lelaki Muhammad Iqbal Rayyan Abdullah yang berusia setahun tiga bulan.

JKM dalam kenyataan hari ini memaklumkan, kanak-kanak yang menjadi mangsa pengabaian ibu kandung itu telah diserahkan kepada Pejabat JKM Daerah Kota Setar oleh seorang individu yang juga penjaga sementara setelah ditinggalkan ibu kandungnya pada 28 April tahun lepas.

"Ibu kandung kanak-kanak itu yang dikenali sebagai Mahiran Abdul Latiff telah meninggalkan anaknya kepada seorang lelaki yang dipercayai teman lakinya sebelum menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan sehingga kini.

"Pada 9 Mei lepas, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Alor Setar telah mengeluarkan Perintah Jagaan Sementara di bawah Subseksyen 19(2) Akta Kanak-Kanak 2001 (pindaan) 2016 dengan menempatkan kanak-kanak itu di bawah jagaan Tempat Selamat, Taman Sinar Harapan di Jitra," katanya.

Kanak-kanak itu diletakkan di tempat berkenaan sebelum Pelindung JKM memohon perintah interim semasa tempoh penangguhan kes di bawah Subseksyen 30(7) akta yang sama pada 3 Oktober dengan meletakkan kanak-kanak itu ke dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan orang yang layak dan sesuai (OYLS).

Pencarian ibu kandung atau waris kanak-kanak itu adalah bagi membantu urusan penempatan dan penjagaan terbaik bagi kanak-kanak berkenaan yang akan ditentukan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengenali ibu kandung atau waris kanak-kanak itu diminta untuk menghubungi Pelindung JKM Kota Setar ditalian 04-7202370," katanya.-

BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	IMPORTANT TO GO FOR LPPKN'S HPV DNA TEST, MALAYSIAN WOMEN ADVISED		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	20 JAN 2025	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Dr Wan Azizah presents a school bag to a student during the handover of back-to-school aid. — Bernama photo

Important to go for LPPKN's HPV DNA test, Malaysian women advised

BUKIT MERTAJAM: Women in the country must go for the Human Papillomavirus (HPV) DNA test provided by the National Population and Family Development Board (LPPKN) for cervical cancer screening.

In making the call, the Prime Minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail said women aged 30 and above are the group most at risk of cervical cancer.

"The HPV DNA test provided by LPPKN uses a method that allows women to take their own samples. It (test) is free, painless and less invasive when compared to other methods.

"Men also need to know (about the test) because they have mothers, wives, and daughters who need to undergo HPV DNA screening. Cervical cancer can be prevented if it is detected at an early stage," she said.

She said this at the 'Santuni Madani: Wanita Sihat Keluarga Sejahtera' carnival at the Al-Mashoor Madrasah Grounds here on Saturday, held in conjunction with the Penang Cervical Cancer Awareness Month 2025.

The event was also attended by state Social Development, Welfare and Non-Muslim Affairs Committee chairman Lim Siew Khim and LPPKN director-general Abdul Shukur Abdullah.

Dr Wan Azizah emphasised the importance of women prioritising their health, highlighting their vital role in safeguarding and

upholding the family institution as a cornerstone of social stability in the country.

According to the HPV Information Centre, cervical cancer is the fourth most common cancer among women in Malaysia, with about 1,740 new cases and 991 deaths reported each year.

Dr Wan Azizah, who is Bandar Tun Razak MP, also raised concerns about Malaysia's declining fertility rate and its progression toward becoming an ageing nation.

In this regard, she expressed gratitude to LPPKN, which is under the Ministry of Women, Family, and Community Development, for implementing various programmes aimed at increasing public awareness of fertility issues.

At the event, Dr Wan Azizah presented WCaRe vouchers, back-to-school aid, and food boxes to 200 women, 260 students, and 200 low-income families in the Tanah Liat area.

The WCaRe vouchers were provided by LPPKN to eligible women as an incentive to encourage cervical cancer screenings.

The school bags and food items were contributed by Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (Kasih Malaysia), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) and Yayasan Food Bank. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Golongan memerlukan terima sumbangan TBC daripada JKM Bahagian Bintulu

© Januari 19, 2025, Ahad - 4:45pm



Pang (tengah) menyampaikan sumbangan sempena Tahun Baharu Cina kepada seorang penerima di Bintulu hari ini.

BINTULU: Golongan memerlukan diraikan dengan menerima sumbangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Bintulu sempena perayaan Tahun Baharu Cina yang bakal disambut dalam masa terdekat.

Penyampaian sumbangan itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Batu Johnny Pang pada Majlis Sejambak Kasih Tahun Baharu Cina (TBC) 2025 di sini hari ini.

Hadir sama Pegawai JKM Bintulu Wan Muhammad Hasif Jamari, Temenggung Datuk Barry Yek Siew serta tetamu lain.

Pang berkata, majlis itu merupakan inisiatif murni JKM Sarawak dilaksanakan lebih 25 tahun.

"Saya berasa sangat gembira kerana kita dapat bersama berkumpul pada majlis penuh bermakna ini meraikan golongan yang memerlukan," katanya berucap pada majlis itu.

Beliau berkata, program itu adalah untuk membantu meringankan beban kewangan penerima bantuan JKM, menceriakan suasana perayaan keluarga mereka dan menambah keperluan asas sempena sambutan TBC tahun ini.

"Saya berterima kasih kepada JKM Bintulu kerana menjemput saya menyertai acara meraikan sambutan TBC 2025 ini bersama sekali gus memberi peluang meraikan acara besar ini dengan semua orang," jelasnya.

Beliau menyatakan rasa terharu melihat keprihatinan pihak terlibat memberi bantuan kepada masyarakat memerlukan sekali gus membuktikan mereka tidak dilupakan bersama meraikan kegembiraan hari perayaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rawat ketidaksuburan lelaki



ANTARA: rawatan kesuburan moden.

Mandul, isu sensitif dalam perkahwinan yang sering dikaitkan dan dibebankan kepada wanita.

Namun masih ramai yang kurang memahami hakikatnya ketidaksuburan lelaki juga menyumbang kepada separuh kes kemandulan di seluruh dunia.

Tidak terkecuali Malaysia. Kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati ketidaksuburan lelaki turut menjadi keimbangan yang ketara apabila didapati 60 peratus daripada keputusan ujian sperma yang dilakukan golongan lelaki adalah tidak normal.

Justeru, adalah penting untuk menangani ketidaksuburan lelaki dan meneroka kemajuan dalam pilihan rawatan demi memberi harapan kepada pasangan yang bergelut untuk hamil.

Menurut Pakar Reproduksi Pusat Perubatan Subang Jaya (SJM), Dr Chua Ai Chen, kemandulan lelaki disebabkan dua faktor utama iaitu masalah pengeluaran sperma atau sumbatan yang menghalang sperma daripada sampai ke ovum.

Kata beliau, isu paling biasa ditemui ialah bilangan sperma yang rendah disebabkan masalah varikokel atau pembesaran urat dalam skrotum.

"Varikokel menjejaskan kira-kira 40 peratus lelaki yang mengalami masalah kesuburan dan menyebabkan pengeluaran sperma berkurangan.

"Penyebab lain ketidaksuburan lelaki termasuk ketidakseimbangan hormon, masalah genetik dan pendedahan kepada persekitaran yang berbahaya seperti pencemaran, bahan kimia serta radiasi.

"Selain itu, gaya hidup juga memainkan peranan yang besar kerana merokok, pengambilan alkohol, obesiti dan juga tekanan boleh menjejaskan kualiti sperma," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Ai Chen berkata, faktor seperti diet kurang baik, kurang bersenam dan corak tidur yang terganggu juga boleh menjejaskan kesuburan.

Utuk itu, kata Dr Ai Chen, diet juga memainkan peranan penting dan pengambilan makanan sihat yang kaya dengan asid lemak Omega-3, antioksidan dan vitamin dapat meningkatkan kualiti air mani.

Daging yang diproses, minuman manis dan pengambilan kopi berlebihan pula boleh menurunkan kualiti sperma.

Kata Dr Ai Chen, kualiti sperma juga akan menurun daripada segi 'motility' (pergerakan), 'morphology' (bentuk) dan kiraan keseluruhan apabila usia lelaki semakin meningkat.

"Lelaki yang lebih tua juga mungkin mengalami kadar pemecahan DNA sperma lebih tinggi hingga boleh menjejaskan perkembangan embrio dan meningkatkan risiko keguguran.

"Faktor usia penting, tetapi gaya hidup boleh meningkatkan kesannya. Merokok, sebagai contoh, mempunyai kesan yang memberi tekanan oksidatif dan merosakkan DNA sperma," katanya.

Kualiti sperma memainkan peranan

Untuk persenyawaan berlaku, kualiti sperma sememangnya memainkan peranan penting.

Dr Ai Chen berkata, persenyawaan kemungkinan besar akan berlaku jika air mani yang dikeluarkan dalam satu ejakulasi mengandungi sekurang-kurangnya 15 juta sperma setiap mililiter.

Kata beliau, bilangan sperma yang terlalu rendah boleh menyukarkan peluang hamil kerana telur sedikit sperma tersedia untuk menyuburkan telur.

Selain itu, pergerakan sperma juga penting kerana ia mesti boleh berenang melalui serviks, rahim dan tiub fallopio untuk mencapai telur.

Katanya, walaupun kehamilan boleh berlaku dengan pergerakan kurang daripada 40 peratus, tetapi itu dianggap sebagai agak terbatas.

"Ini kerana semakin banyak pergerakan sperma, semakin baik peluang untuk hamil.

"Sperma yang sihat biasanya mempunyai kepala bujur dan ekor panjang yang membolehkan ia berenang dengan cekap ke arah telur."

"Bentuk sperma yang tidak normal boleh menjejaskan keupayaan untuk bergerak dengan betul, seterusnya mengurangkan peluang persenyawaan," katanya.

Rawatan untuk kemandulan lelaki

Terhadap kemajuan yang ketara dalam rawatan kemandulan lelaki sekali gus menawarkan harapan kepada ramai pasangan.

Bagi yang mempunyai jangkitan pada saluran pembiakan, antibiotik sering diberikan, manakala steroid seperti prednisolone digunakan apabila sistem imun tersilap menyerang sperma.

Masalah ketidakseimbangan hormon seperti tahap prolaktin tinggi (keadaan yang dipanggil hiperprolaktinaemia) yang menjejaskan pengeluaran testosteron dan sperma boleh dirawat dengan ubat seperti bromocriptine untuk membantu memulihkan tahap hormon normal.

Dr Ai Chen berkata, untuk keadaan yang lebih kompleks seperti ejakulasi retrograde, apabila sperma masuk ke dalam pundi kencing dan bukannya keluar semasa ejakulasi, ubat-ubatan seperti imipramine boleh membantu.

Katanya, lelaki yang mengalami ketidaksuburan yang tidak dapat dijeleskan (jika tiada sebab yang jelas dikenal pasti) boleh mendapat manfaat daripada ubat yang dipanggil 'selective estrogen receptor modulators' (SERM).

"Ia dapat membantu mengimbangi hormon dan meningkatkan kesuburan.

"Terhadap kajian sedang dilakukan pada rawatan hormon baharu yang mungkin menawarkan lebih banyak pilihan disasarkan untuk lelaki mengalami ketidakseimbangan hormon.

"Kemajuan itu termasuk ubat baharu sedang dikaji untuk mengawal hormon yang terbit dalam pengeluaran sperma termasuk mengawal hormon perangsang folikel (FSH) bagi tujuan rawatan masalah ketidaksuburan lebih berkesan," katanya.

Peranan kesuburan wanita

Sementara itu, memang tidak dapat dinafikan bahawa satu pertiga daripada kes ketidaksuburan terletak kepada pasangan wanita.

Jelas Dr Ai Chen, keadaan seperti anovulasi (kegagalan untuk melepaskan telur), endometriosis, fibroid atau parut daripada pembedahan terdahulu boleh memberi kesan kepada kesuburan.

Bagaimanapun, kemajuan dalam rawatan kesuburan wanita juga membuahkan hasil bagi kebanyakan pasangan.

"Protokol rangsangan ovari terbaharu dan ujian genetik praimplantasi (PGT) adalah antara perkembangan terkini.

"PGT membantu dalam memilih embrio dengan peluang terbaik untuk implanisasi dengan menyaring keabnormalan genetik.

"Selain itu, kemajuan seperti 'time-lapse embryo imaging' dan rawatan kesuburan diperibadikan meningkatkan kadar kejayaan untuk pasangan yang menjalani teknologi pembiakan berbantu seperti IVF," katanya.

Teknologi moden rawatan kesuburan

Menurut Dr Chua, teknologi 'Intracytoplasmic Sperm Injection' (ICSI) dan vitrifikasi untuk pembekuan telur dan embrio turut membawa perbezaan yang besar kepada rawatan kesuburan.

Katanya, 'time-lapse embryo monitoring' dan kecerdasan buatan (AI) dalam embriologi merevolusikan cara ahli embriologi memilih embrio terbaik untuk implanisasi sekali gus meningkatkan peluang kehamilan.

Selain itu, 'cryopreservation' tisu ovari juga menawarkan harapan untuk wanita yang

perlu menjalani sesuatu rawatan (yang boleh menjejaskan kesuburan mereka) seperti kemoterapi.

"Dengan membekukan tisu ovari, wanita boleh mengekalkan kesuburan mereka untuk masa depan," katanya.

Pasangan patut tahu

Bagi pasangan yang menghadapi masalah ketidaksuburan, perjalanan mereka sememangnya mencabar daripada segi fizikal dan emosi.

Justeru, Dr Ai Chen menasihatkan supaya mendapatkan bantuan pakar kesuburan sekiranya sudah mencuba untuk hamil selama lebih setahun atau enam bulan jika wanita itu berumur lebih 35 tahun.

Ini kerana diagnosis awal boleh meningkatkan peluang kejayaan kehamilan.

Selain itu, amalkan gaya hidup sihat seperti berhenti merokok, mengurangkan pengambilan alkohol dan mengekalkan diet seimbang kerana semua itu boleh memberi kesan positif kepada kesuburan lelaki mahupun wanita.

"Sesetengah kajian turut mencadangkan bahawa suplemen seperti antioksidan termasuk vitamin C, vitamin E dan zink boleh meningkatkan kualiti sperma.

"Namun, komunikasi antara pasangan juga penting kerana mengurus masalah ketidaksuburan boleh meletihkan emosi, jadi pasangan perlu menyokong antara satu sama lain dan menyertai kumpulan sokongan atau terapi jika diperlukan.

"Apa-apa pun, jangan sesekali putus harapan dan dapatkan bantuan awal kerana gabungan gaya hidup sihat serta rawatan kesuburan moden boleh membuat perubahan," katanya.

Disiarkan pada: Januari 19, 2025 @ 7:00am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kuasa Wanita: Data dan Fakta yang Mencorakkan Malaysia

By WAN AZZAHN ADNIAN January 19, 2023



Secara keseluruhan, golongan wanita negara telah mencatatkan prestasi pencapaian yang semakin memberangsangkan. Malah, di dalam beberapa perkara, pencapaian wanita telah melangkaui lelaki dengan ketara.

Pada pertengahan bulan Disember 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan *Statistik Pemerkasaan Wanita Dalam Domain Terpilih Malaysia 2024*. Antara lain, laporan ini menonjolkan pencapaian serta kedudukan wanita negara dari pelbagai aspek, seperti: penyertaan di dalam pasaran buruh, tahap pendidikan, peringkat jawatan serta gaji bulanan.

Sepanjang tempoh masa 4 dekad (1982 – 2023), Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Wanita telah merekodkan trend peningkatan, dari 45.7% kepada 56.2%. Ini bermakna lebih ramai wanita menyertai pasaran buruh negara, dan bekerja bagi menyumbang kepada pembangunan negara.

Pada tahun 2023, selaras dengan peningkatan KPTB, jumlah wanita bekerja telah meningkat 6% dari 5.630 juta (2021) kepada 5.963 juta (2023). Berdasarkan tahap pencapaian pendidikan, majoriti pekerja wanita hanya memiliki pendidikan menengah (48.3%). Pada masa yang sama, ramai pekerja wanita memiliki pendidikan tertiar (43.6%), lebih tinggi dari peratusan pekerja lelaki (30.5%).

Apa yang agak membimbangkan adalah peratusan pekerja wanita yang memiliki pendidikan rendah telah merekodkan trend peningkatan: 4.9% (2021), 5.7% (2022), 6.0% (2023). Situasi ini wajar diteliti agar tidak merencatkan momentum kemajuan dan pencapaian wanita selama ini.

Sebagai perbandingan, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Wanita Malaysia adalah agak setara dengan beberapa negara rantau ASEAN dan dunia. Tetapi lebih rendah dengan ketara berbanding Singapura (63.4%) dan Australia (62.6%).

Seterusnya, pada tahun 2023, data DOSM menunjukkan Purata Gaji & Upah Bulanan pekerja wanita adalah lebih rendah berbanding lelaki, di mana wanita (RM3,311) dan lelaki (RM3,532). Malah, dalam tempoh masa 3 tahun (2021 – 2023), purata gaji & upah pekerja wanita telah meningkat secara lebih kecil berbanding dengan purata Malaysia dan lelaki:

- Malaysia: 12.9% (RM392), dari RM3,049 kepada RM3,441
- Lelaki: 13.4% (RM418), dari RM3,114 kepada RM3,532
- Wanita: 12.0% (RM356), dari RM2,955 kepada RM3,311

Lebih malang lagi, walaupun semakin ramai wanita menyertai pasaran buruh negara serta semakin ramai wanita memiliki pendidikan tertiar, jumlah wanita di peringkat atasan dan pembuat keputusan kekal rendah. Sebagai contoh, di dalam kepimpinan politik negara, jumlah dan peratusan wanita adalah seperti berikut (tahun 2023):

Jawatan	Wanita	Lelaki
Ahli Dewan Negara	16.1%	83.9%
Ahli Dewan Rakyat	13.5%	86.5%
Ahli Dewan Undangan Negeri	72 orang	528 orang
Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan	682 orang	2,780 orang
Menteri Kabinet	16.1%	83.9%
Timbalan Menteri Kabinet	27.6%	72.4%

Manakala, di dalam perkhidmatan awam negara, jumlah pegawai tertinggi wanita jauh lebih rendah berbanding lelaki, dan tiada perubahan sepanjang tempoh 2021 – 2023. Bagi jawatan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah, pegawai wanita hanyalah 183 orang (28.2%), berbanding lelaki 467 orang (71.8%).

Situasi ini berlaku walaupun jumlah wanita di dalam perkhidmatan awam negara adalah sangat ramai, hampir mencecah 60%. Malah, di peringkat Pengurusan & Profesional, jumlah pegawai wanita (67.6%) adalah dua kali ganda lebih ramai daripada lelaki (32.4%).

Jawatan (tahun 2023)	Wanita (%)	Lelaki (%)
Keseluruhan	59.3%	40.7%
Pengurusan Tertinggi (Gred JUSA C ke atas)	38.9%	61.1%
Pengurusan & Profesional (Gred 41 – 54)	67.6%	32.4%
Pekerja Sokongan (Gred 1 – 40)	52.9%	47.1%

Dari aspek pendidikan dan kelayakan, wanita telah merekodkan pencapaian yang begitu memberangsangkan. Dalam tempoh masa 3 tahun (2019 – 2021), peratusan peningkatan profesional wanita (9.7%) adalah hampir sekali ganda lebih tinggi berbanding lelaki (5.3%):

Tahun	Wanita	Lelaki	Jumlah
2019	111,622	176,404	288,026
2021	122,444	185,669	308,113
Peningkatan	10,822: 9.7%	9,265: 5.3%	20,087: 6.9%

Walaupun secara keseluruhan jumlah profesional wanita masih jauh lebih rendah berbanding lelaki, tetapi bagi beberapa profesion profesional, jumlah wanita telah pun melebihi lelaki, antaranya:

Profesion Profesional	Wanita	Lelaki
Akauntan	20,443	17,291
Doktor Gigi	8,813	3,761
Doktor Perubatan	32,400	26,079
Doktor Veterinar	1,253	772
Peguam	11,194	9,190

Peningkatan besar jumlah profesional wanita tidaklah begitu memeranjatkan, memandangkan jumlah pelajar wanita melebihi lelaki di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara. Menurut data DOSM, bilangan enrolmen pendidikan tinggi untuk wanita kekal melebihi lelaki:

Tahun	Jumlah	Wanita (%)	Lelaki (%)
2021	1,207,593	56%	44%
2022	1,202,202	57%	43%
2023	1,247,908	57%	43%

Tambahan lagi, bilangan staf akademik di IPT juga merekodkan majoriti wanita (58%) berbanding lelaki (42%).

Menariknya, walaupun jumlah pelajar wanita jauh melebihi lelaki di IPT, bilangan wanita yang menjadi Ahli Majlis Perwakilan Pelajar di Universiti Awam adalah lebih rendah. Kenapa ini berlaku? Mungkin tidak ramai wanita yang berminat dengan aktiviti bukan akademik dan memegang jawatan kepimpinan, dan lebih fokus kepada pembelajaran sahaja.

Merujuk kepada Sabah, penduduk bekerja wanita berjumlah 1.017 juta, melebihi lelaki yang berjumlah 0.604 juta. Sabah merekodkan jumlah penduduk bekerja wanita ke-3 tertinggi di Malaysia, selepas Selangor (2.244 juta), Johor (1.369 juta). Ini merangkumi 10% daripada keseluruhan penduduk bekerja wanita di Malaysia (9.849 juta).

Di samping itu, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Wanita Sabah adalah 69.7%, iaitu ke-2 tertinggi di Malaysia, selepas WP Putrajaya (79.2%). Malah, Sabah telah merekodkan KPTB Wanita lebih tinggi dari KPTB Wanita di Malaysia (56.2%).

Sementara itu, Sabah turut merekodkan Purata Gaji & Upah Bulanan pekerja wanita (RM3,118) yang setanding dengan lelaki (RM3,133). Namun begitu, hanya lebih rendah dari Purata Gaji & Upah Bulanan pekerja wanita negara (RM3,311).

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia, di bawah Kerangka Ekonomi MADANI, Kerajaan Malaysia telah mensasarkan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Wanita negara mencapai tahap 60% menjelang tahun 2025.

Samada sasaran ini dapat dicapai ataupun tidak, secara keseluruhan wanita negara telah merekodkan prestasi pencapaian yang boleh dibanggakan. Sekiranya momentum pencapaian ini disemarakkan, tidak mustahil wanita bakal menjadi peneraju utama agenda pembangunan negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak 11 tahun ditemui lemas di sungai

🕒 19 Januari 2025, 10:45am



Foto hiasan

RANAU: Anak anggota polis ditemui lemas di Sungai Nopungan, Kampung Minihas, dekat sini, malam tadi.

Mangsa lelaki berusia 11 tahun ditemui penduduk kampung pada jam 8.05 malam.

Ketua Polis Daerah Ranau, Superintendan Mursalin Mahmud, berkata mangsa dikatakan keluar rumah seorang diri, kira-kira 12.30 tengah hari.

“Mangsa disedari tidak pulang ke rumah oleh bapanya pada hari sama, jam 5.40 petang.

“Jarak rumah mangsa dengan tempat kejadian kira-kira 500 meter,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mursalin berkata, siasatan awal di tempat kejadian mendapati, kedalaman sungai berkenaan kira-kira dua meter.

“Pemeriksaan di lokasi mendapati arus sungai seperti biasa namun terdapat pusaran air dan belum dapat dipastikan sama ada mangsa mandi ketika itu.

“Mangsa ditemui orang kampung yang membantu dalam pencarian kemudian dibawa ke rumah keluarganya namun disahkan meninggal dunia oleh doktor dari Klinik Kesihatan Lohan, kira-kira jam 9.10 malam,” katanya.

Difahamkan, mangsa adalah anak kepada seorang anggota polis yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAYI DI MEJA KEDAI MAKAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 20 JAN 2025

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Sanglang

Bayi di meja kedai makan

Penjaga stor hendak keluar beli sarapan terkejut temui bayi dalam beg beli-belah

“Saya dan isteri sudah bertahun belum dikurniakan cahaya mata namun ada orang tergamak membuang bayi masih bertali pusat dalam beg beli-belah di kedai makan di depan rumah kami,” kata penjaga stor, Mohamad Hasnol Jeffri.

Terdahulu, pagi semalam, Mohamad Hasnol, 44, menemukan bayi perempuan ditinggalkan di kedai makan terletak di depan kediamannya di Kampung Rama, Kuala Sanglang di sini.

Ketika ditemukan, bayi itu dibaluti tuala dan kain pelekat namun tiada botol susu dan sebarang nota ditinggalkan.

Mengimbau penemuan itu, Mohamad Hasnol berkata, dia dan isteri, Siti Mariam Abdullah, 37, sedang bersedia untuk keluar mem-

beli sarapan.

“Ketika melangkah keluar rumah, saya terdengar tangisan bayi dan menyangka ia tangisan bayi jiran yang tinggal di seberang rumah kami.

“Namun, apabila diamati, ia datang dari kedai makan hadapan rumah kami.

“Saya menemukan beg serbaguna sering digunakan membeli belah di pasar raya diletak di atas meja makan kedai itu. Apabila diperiksa, saya dapati ada bayi di dalamnya,” katanya ditemui di kediamannya.

Katanya, dia kemudiannya segera memanggil isteri dan jirannya.

“Bayi itu mungkin ditinggalkan pada waktu subuh,” katanya lagi.

Dia kemudiannya membuat laporan polis berka-

tan penemuan itu.

“Syukur bayi itu selamat serta sihat memandangkan ada banyak anjing liar berkeliaran di sekitar kawasan ini,” katanya.

Bayi dibawa ke Hospital Tuanku Fauziah, Kangar untuk rawatan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kangar Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop berkata, belum ada tangkapan dibuat dan kejadian terbabit masih dalam siasatan.

“Selesai dirawat, bayi itu akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi,” katanya.



BAYI yang ditinggalkan dibaluti tuala dan kain pelekat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAYI PEREMPUAN DITEMUKAN DI HADAPAN RUMAH DI SIMPANG EMPAT

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 20 JAN 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Bayi perempuan ditemukan di hadapan rumah di Simpang Empat

KANGAR: Seorang bayi perempuan dibaluti tuala dan diletakkan dalam beg plastik beralaskan kain pelikat ditemukan di hadapan sebuah rumah di Jalan Kampung Rama, Kuala Sanglang, Simpang Empat dekat sini pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Kangar ACP Yusharifuddin Mohd Yusop berkata, pihaknya menerima maklumat pada 8.35 pagi melalui panggilan telefon daripada seorang lelaki yang mendakwa menemukan bayi itu di hadapan

rumahnya.

“Keadaan bayi sihat, dan tiada sebarang tangkapan dibuat setakat ini. Bayi berkenaan dibawa untuk rawatan dan akan diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan (KKM) untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan semalam.

Yusharifuddin berkata, polis menjalankan siasatan lanjut di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **BABY GIRL FOUND ABANDONED IN FRONT OF HOUSE**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **20 JAN 2025**

M/SURAT : **10**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Baby girl found abandoned in front of house

KANGAR: A baby girl has been found abandoned in front of a house in Jalan Kampung Rama, Kuala Sanglang, Simpang Empat.

She had been wrapped in two towels placed in a plastic bag lined with a piece of pelikat cloth, said Kangar district police chief Asst Comm Yusharifuddin Mohd Yusop.

The police were informed of the discovery at 8.35am through a phone call from a man who claimed the baby was in front of his house.

“The baby is healthy and has been sent for treatment and will be handed over to the Health Ministry for further action. No arrests have been made so far,” he said in a statement yesterday.

ACP Yusharifuddin said the police are investigating the case under Section 317 of the Penal Code for exposure and abandonment of a child, Bernama reported.

In Alor Setar, the Kota Setar district Social Welfare Department is looking for the biological moth-

er or relatives of a one-year-old boy, Muhammad Iqbal Rayyan Abdullah.

In a statement, the department said the child was handed over to the department’s Kota Setar office by a temporary guardian on April 28 last year.

“The biological mother, identified as Mahiran Abdul Latiff, left the child with a man believed to be her boyfriend before disappearing. Efforts to locate her have been unsuccessful to date.

“On May 9, the Alor Setar Court

for Children issued a Temporary Custody Order under Subsection 19(2) of the Child Act 2001, placing the child under the care of Taman Sinar Harapan in Jitra,” the department said.

It said that finding the biological mother or relatives is crucial to ensure the child receives the best possible care and placement.

“Anyone with information on the mother or relatives is urged to contact the Kota Setar Social Welfare Department protector at 04-720 2370,” it said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENDUDUK TEMUI BAYI PEREMPUAN DEPAN RUMAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JAN 2025

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK M

Penduduk temui bayi perempuan depan rumah

Sanglang: Penduduk sebuah rumah gempar apabila dikejutkan dengan penemuan seorang bayi perempuan cukup sifat di depan rumahnya di Kampung Rama, Kuala Sanglang, di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop, berkata polis menerima laporan berhubung penemuan bayi itu jam 8.35 pagi.

“Polis menerima maklumat daripada seorang lelaki berhubung penemuan bayi di depan rumahnya di Jalan Kampung Rama, Kuala Sanglang

sekitar jam 8.35 pagi ketika lelaki itu keluar dari rumahnya.

“Bayi berkenaan dipercayai sudah ditinggalkan di depan rumah berkenaan kurang daripada satu jam sebelum ditemui dan satu laporan polis kemudian dibuat di Balai Polis Simpang Empat sekitar jam 8.47 pagi oleh pemilik rumah berkenaan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, bayi itu kemudian segera dikejarkan ke Hospital Tuanku Fauziah, Kangar untuk menerima rawatan dan keadaannya dilaporkan stabil.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MANGSA BANJIR DI SABAH MENINGKAT

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JAN 2025

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Mangsa banjir di Sabah meningkat

Jumlah naik kepada 1,428 orang akibatkan 7 PPS dibuka di Pitas, Paitan

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa banjir di Sabah meningkat kepada 1,428 orang setakat 5.30 petang semalam, meningkat berbanding 1,054 individu pada sebelah pagi.

Laman web Jabatan Kebajikan Masyarakat menyatakan, sebanyak tujuh pusat pemindahan banjir (PPS) dibuka di dua tempat terjejas, iaitu Pitas dan Paitan.

Sementara itu, di Terengganu terdapat 16 mangsa di satu PPS, manakala di Sarawak ada 71 mangsa dari 15 keluarga di satu PPS.

Beberapa penempatan penduduk di Sarawak dinaiki air berikutan hujan lebat yang berterusan sejak malam kelmarin.

Antara kawasan terjejas ialah

Batu Lawa di Kuching, iaitu di Kampung Sinar Budi Baru, Taman Desa Wira.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, PPS dibuka di Dewan Futsal, Kampung Sinar Budi Baru.

Beliau berkata, setakat ini tujuh orang dari satu keluarga sudah dipindahkan, namun jumlah rasmi masih belum diperolehi.

"Beberapa rumah dinaiki air kira-kira setengah meter dan hujan masih berterusan dikhuatiri akan memburukkan lagi keadaan.

"Pemantauan masih diteruskan pasukan penyelamat dan penduduk dinasihatkan berpindah jika keadaan semakin berbahaya," katanya.

Di **Mukah**, banjir kilat berlaku di Kampung Skim Penempatan Kuala Lama dengan sebahagian besar tempat sudah dinaiki air.

Pemindahan dijalankan berikutan keadaan air yang semakin membimbangkan.

Menurut jurucakap PGO, pemindahan membolehkan mangsa warga emas wanita berusia 87 tahun yang dihantar ke rumah anaknya di perumahan Orchid.

Pemindahan kedua pula di-



Anggota APM membantu memindahkan penduduk terjejas banjir di Pitas.

(Foto ihsan APM)

lakukan untuk menghantar seorang lagi wanita warga emas berusia 83 tahun ke rumah anaknya di perumahan Lavender.

Turut dipindahkan, tiga lagi mangsa iaitu seorang wanita dewasa, seorang kanak-kanak lelaki dan seorang kanak-kanak perempuan.

Jalan, jambatan dinaiki air
Sementara itu, di **Saratok**, banjir melanda Sekolah Kebangsaan (SK) Ulu Kabong apabila jalan dan

jambatan ke sekolah itu dinaiki air dan tidak boleh dilalui.

Kelas pra-sekolah di sekolah terbabit juga dilaporkan ditenggelami air.

Di **Lundu**, jalan menuju Kampung Pasir Hulu terputus selepas dinaiki air akibat banjir kilat pagi tadi.

Bagaimanapun, keadaan banjir di kawasan ini dilaporkan sudah pulih dan jalan berkenaan boleh dilalui walaupun mengalami kerosakan teruk.

Di **Sarikei**, sebanyak 21 pintu Rumah Panjang Anap, Jalan Bayong, Ulu Sarikei turut terjejas dilanda banjir kilat.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang dijangka melanda beberapa kawasan di Sarawak sehingga hari ini.

Kawasan terbabit ialah Saratok dan Kabong di Betong, Sarikei, Meradong, Sibul, Mukah, Kapit, Song dan Miri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	PERSATUAN OKU SENTRAL HARAP TINDAKAN KERAS TERHADAP PELAKU KES PUKUL DI TERENGGANU		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	20 JAN 2025	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Persatuan OKU Sentral harap tindakan keras terhadap pelaku kes pukul di Terengganu

KUALALUMPUR: Persatuan OKU Sentral berharap pihak berkuasa mengambil tindakan keras terhadap mereka yang terlibat kes pukul seorang lelaki Orang Kurang Upaya (OKU) di Pasar Tani Padang Astaka Chukai, Terengganu pada pagi Jumaat lepas.

Presiden Persatuan OKU Sentral Datuk Ras Adiba Radzi berkata warga OKU sudah cukup melalui pelbagai kesukaran dalam kehidupan harian daripada pelbagai sudut dan insiden kekerasan itu amat mendukacitakan.

“Rakaman yang tular

berkenaan peristiwa itu begitu menyayat hati untuk ditonton kerana individu OKU tersebut berseorangan sambil diheret dan disepak terajang oleh sekumpulan warga yang belum dikenal pasti setakat ini atas kesalahan yang kami percaya tidak sengaja dilakukan.

“Lebih menyedihkan, pengunjung pasar di tempat kejadian hanya sekadar melihat tanpa menghulurkan apa-apa bantuan,” katanya dalam kenyataan semalam. Beliau berkata alasan tidak mengetahui bahawa mangsa adalah seorang OKU ketidakupayaan men-

tal itu bukan lesen untuk membenarkan tindakan kekerasan fizikal sebagai hukuman terhadap sesiapa. Kelmarin, polis dilaporkan menahan tiga lelaki berusia 18 hingga 60 tahun bagi membantu siasatan berhubung kes pukul lelaki

OKU itu pada kira-kira 8 malam di Ibu Pejabat Polis Daerah Kemaman ketika hadir memberi keterangan. Sebelum ini, tular di laman sosial video berdurasi 1 minit 52 saat yang memaparkan seorang lelaki dipukul dan diheret

oleh beberapa individu di Pasar Tani Padang Astaka Chukai. Kejadian itu dipercayai berlaku selepas lelaki berusia 47 tahun yang menunggang motosikal terlanggar salah sebuah gerai sehingga menyebabkan makanan jualan terjatuh. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'SEPAK, HERET SUAMI SAYA TINDAKAN TAK BERPERIKEMANUSIAAN'

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 20 JAN 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Kes OKU dipukul

'Sepak, heret suami saya tindakan tak berperikemusiaan'

Chukai: "Bila melihat rakaman video itu, hati saya hancur dan sangat sedih," kata Faridah Abdul Karim, isteri kepada orang kurang upaya (OKU) mental yang dipukul beberapa individu dalam kejadian di Pasar Tani Padang Astaka, dekat sini, Jumaat lalu.

Faridah, 44, berkata perbuatan mereka yang mengheret, menyepak, memukul dan mencurahkan mi goreng di atas kepala suaminya, Ahmad Nor Al Faizah Jusoh, 47, itu sangat melampau dan tidak berperikemusiaan.

"Mereka tidak berhati perut, bayangkan suami sudah beberapa kali memohon maaf, mereka tetap memukulnya.

"Bila suami minta diberikan air untuk membasuh matanya yang pedih selepas dicurahkan mi goreng, individu terbabit ber-

tindak menyepak kepala suami," kata ibu kepada lima anak itu.

Beliau berkata, suaminya itu adalah manusia dan kenapa individu berkenaan sanggup melakukan perbuatan kejam dengan memukul seperti haiwan.

"Kalau benar dia bersalah dan sengaja melanggar sebuah gerai makanan di situ, mereka sepatutnya selesaikan dengan cara baik.

"Sepatunya mereka datang bertemu saya dan berbincang, saya sanggup bayar ganti rugi yang dialami mereka," katanya ketika menerima kunjungan EXCO Pergerakan Pemuda UMNO, Mohd Fadimi Rahim, di kediamannya di Kampung Mak Chili, di sini, semalam.

Faridah berkata, dia berterima kasih kepada Pergerakan Pemuda UMNO yang sudi membantu menawarkan khidmat guaman

secara percuma demi keadilan buat keluarganya.

"Saya berterima kasih kepada Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Mohamad Akhmal Saleh yang memberi kata-kata semangat melalui panggilan video.

"Saya sangat menghargai dan berterima kasih kepada beberapa individu yang membantu menghalang orang ramai daripada terus memukul suami," katanya.

Sepanjang 25 tahun hidup bersama, suaminya itu tidak lupa solat dan sering ke masjid solat berjemaah.

"Walaupun sakit, dia tidak tinggal solat. Suami tak pernah pukul orang, hanya mulut dia sedikit lantang dan kalau hari kejadian berlaku mereka cakap nak panggil polis suami pasti takut," katanya.



Faridah tidak dapat menahan sebak mengenangkan kejadian suaminya yang dipukul di Pasar Tani Padang Astaka, Chukai. (Foto Rosli Ilham/BH)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **DUNIA TERLALU KEJAM UNTUKMU!**

HARI : **ISNIN**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **20 JAN 2025**

M/SURAT : **10**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Rehatlah abah...dunia terlalu kejam untukmu... Itu coretan wanita dikenali Hana yang dipercayai anak kepada lelaki orang kurang upaya (OKU) menerusi kapsyen ditulis pada video dimuat naik di TikTok.

Kapsyen ditulis itu seolah-olah menggambarkan kesedihan Hana selepas bapanya dipukul sekumpulan individu dalam satu kejadian dekat sebuah tapak niaga hingga kisah berkenaan tular di laman sosial.

Menerusi video berdurasi 26 saat itu, kelihatan Hana menyelimutkan bapanya yang terbaring di atas katil.

Dalam satu hantaran video berasingan, Hana berkongsi keadaan bapanya yang masih menerima rawatan di sebuah hospital di Terengganu.

Dalam hantaran itu, Hana turut berterima kasih kepada semua yang mendoakan bapanya dan membantu mereka sekeluarga.

"Terima kasih yang mana mendoakan kesihatan ayah saya dan ingin menolong keluarga kami.

"Kami sekeluarga sangat menghargai, ayah kami berada di hospital Terengganu tengah menerima rawatan...sekali lagi terima kasih," tulisnya.

Dua hantaran itu masing-masing meraih satu dan lebih 2.8 juta tontonan dengan rata-rata warganet mendoakan bapa Hana kerana turut bersedih serta bersimpati dengan apa yang berlaku.

Meninjau ruangan komen, rata-rata warganet turut meluahkan perasaan geram dan marah terhadap pelaku yang dipercayai me-

SUSULAN OKU MENTAL DIBELASAH: ANAK LUAH PERASAAN

Dunia terlalu kejam untukmu!



TANGKAP layar video dimuat naik Hana bagi meluahkan perasaannya di TikTok.



Kami sekeluarga sangat menghargai, ayah kami berada di hospital Terengganu tengah menerima rawatan...sekali lagi terima kasih"

Hana

mukul bapa Hana. "Satu ayah disakiti, semua anak terasa! Semoga ayah awak kuat dan cepat sihat seperti selalu.

"Semoga pelaku dikenakan hukuman yang berat," tulis seorang pengguna TikTok dikenali Ajuwa.

"Kita yang tak ada ayah ini sedih bila orang buat macam itu, bayangkan kalau benda itu jadi kat ayah kita.

"Semoga Allah SWT kuatkan hati awak sayang, teruskan berjuang demi mempertahankan ayah," tulis seorang lagi pengguna TikTok dikenali Syahira.

Kelmarin media melaporkan seorang lelaki OKU yang menunggang motosikal dikatakan melanggar gerai jualan dekat Pasar Tani Padang Astaka, Chukai, Terengganu pada jam 9.30 pagi kelmarin.

Insiden itu menyebabkan barangan jualan peniaga tumpah dan terjatuh sebelum lelaki OKU itu dipercayai dipukul sekumpulan individu.

Polis kemudiannya menahan tiga lelaki dipercayai suspek yang memukul mangsa.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kemaman Deputy Superintenden Wan Muhammad Wan Jaafar dipetik berkata, kesemua suspek ditahan bagi membantu siasatan berhubung kejadian itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa ditahan, biarkan anak bergayut pada kenderaan dipandu



TANGKAP layar video tular yang memaparkan seorang kanak-kanak bergayut di luar sebuah kenderaan pacuan empat roda yang sedang dipandu.

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL 19 Januari 2025, 5:55 pm

SEREMBAN: Seorang lelaki warganegara asing ditahan selepas dia didapati membiarkan anak lelakinya bergayut pada sebuah kenderaan pacuan empat roda di Nilai dekat sini dengan video kejadian itu turut tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintenden Abdul Malik Hasim berkata, tangkapan ke atas lelaki berkenaan selepas polis mengesan rakaman video terbabit pada pukul 11.10 pagi tadi.

“Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai telah mengambil langkah dengan mengesan dan menahan pemandu kenderaan pacuan empat roda tersebut dan membawa ke IPD Nilai.

“Siasatan awal mendapati kejadian berlaku melibatkan sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Nissan Navara yang dipandu oleh seorang lelaki warganegara asing berumur 38 tahun di kawasan Bandar Baru Nilai.

“Kanak-kanak lelaki yang bergayut di pintu sebelah pemandu itu merupakan anak kepada pemandu tersebut yang berumur enam tahun,” katanya hari ini.

Berikutan itu, katanya, kes telah disiasat di bawah Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Seksyen 47(1) APJ 1987.

Katanya, hasil siasatan pihaknya dimaklumkan, perbuatan kanak-kanak tersebut adalah sekadar suka-suka dan menjadi kebiasaan kanak-kanak itu meminta untuk berdiri di luar kenderaan semasa bapanya memandu. – **UTUSAN**